

13 MAY 1997

Mahathir-Melaka

MAHATHIR MUNGKIN LANTIK PEMANGKU KETUA MENTERI MELAKA

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata seorang pemangku mungkin dilantik mentadbir kerajaan Melaka sekiranya Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani yang sedang dirawat di Hospital Tawakal di sini kerana serangan angin ahmar memerlukan masa untuk sembuh.

Katanya adalah terlalu awal untuk beliau mencari pengganti Zin tetapi akan mempertimbangkan mencari pemangkunya.

"Terlalu awal untuk kita lantik (Ketua Menteri baru) tapi akan dipertimbangkan kalau nampak dia susah nak balik kerja dengan cepat, kita terpaksa cari pengganti atau pemangku," katanya kepada pemberita di ruang legar bangunan Parlimen hari ini.

Zin dimasukkan ke hospital setelah di serang angin ahmar pada otak kiri di kediamannya di Klang Gate di sini pada 4.30 pagi Ahad.

Dr Mahathir berkata beliau difahamkan Mohd Zin masih tidak sedarkan diri sehingga tengah hari tadi. Beliau melawat Mohd Zin kali kedua malam tadi.

Kali pertama Perdana Menteri menziarahi Mohd Zin pada malam hari Ahad.

"Saya pergi melawat dan saya dapati dia betul uzurlah, dia tak sedar," katanya.

Mengenai pelantikan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang baru, Dr Mahathir berkata beliau masih belum mencari pengganti Datuk Abu Hassan Omar yang melepaskan jawatan itu setelah dilantik sebagai calon Menteri Besar Selangor yang baru.

"Belum lagi (mencari pengganti Abu Hassan), saya masih memikirkan dan cuba mencari siapa yang kamu mahu," katanya berseloroh.

Ditanya sama ada mesyuarat mingguan kabinet esok akan membincangkan pengisian jawatan itu, beliau berkata: "Kita selalu bincang macam-macam, mungkin tu mungkinlah, mungkin tak pun boleh juga."

Abu Hassan melepaskan jawatan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna setelah dilantik Perdana Menteri sebagai calon Menteri Besar Selangor menggantikan Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib yang meletakkan jawatan itu baru-baru ini.

Muhammad melepaskan jawatan itu setelah menghadapi tuduhan di Mahkamah Brisbane berhubung kegagalannya mengisytiharkan wang bernilai RM2.4 juta yang mahu dibawa keluar dari Australia.

Abu Hassan yang melepaskan kerusi Parlimennya di kawasan Kuala Selangor perlu memenangi pilihan raya kecil kawasan Permatang untuk dilantik ke jawatan terpenting negeri Selangor itu.

-- BERNAMA

NI AHH